

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

19. Apakah rancangan PBT bagi membantu mereka yang bermiaga secara sambilan selepas waktu bekerja seperti menjual burger, nasi lemak dan lain-lain dan kebarangkalian mereka tidak mempunyai lesen bermiaga?
 - (a) Adakah PBT akan melaksanakan program pemutihan untuk membantu mendapatkan lesen penjaja sambilan kepada peniaga dengan syarat-syarat tertentu?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pulau Pinang sentiasa prihatin terhadap nasib penjaja dan peniaga kecil yang bermiaga secara sambilan selepas waktu bekerja seperti menjual burger, nasi lemak dan lain-lain. Sehubungan itu, kedua-dua PBT di Pulau Pinang mempunyai perancangan seperti berikut:
 - (i) Mengeluarkan permit penjajaan sementara kepada peniaga yang menjalankan perniagaan di lokasi yang bersesuaian;
 - (ii) Menawarkan peniaga ke ruang niaga PBT yang bersesuaian;
 - (iii) Menempatkan semula penjaja dan peniaga kecil di lokasi yang lebih sesuai; dan
 - (iv) Memperkenalkan inisiatif jualan makanan dalam talian.

- (a) Bagi kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), tiada program pemutihan penjaja tanpa lesen dibuat memandangkan pihak MBPP perlu memastikan ruang awam tidak digunakan bagi tujuan perniagaan. Bagi kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula, pihak MBSP telah merancang untuk menjalankan pemutihan bagi membantu mendapatkan permit penjajaan sementara. Selain itu, bagi program pemutihan dan penempatan penjaja dan peniaga pihak MBSP telah membuat perancangan bagi mewujudkan satu (1) lokasi penempatan penjaja dan peniaga di setiap KADUN di kawasan Seberang Perai. Berdasarkan perbincangan yang dijalankan, kriteria pemilihan lokasi adalah seperti berikut:
- (i) Penjaja tersebut telah bermula di suatu lokasi dalam tempoh yang lama [lebih lima (5) tahun];
 - (ii) Bilangan penjaja yang ramai melebihi lima (5) orang bermula di lokaliti tersebut;
 - (iii) Konsep perniagaan adalah secara mudah alih (*set on set off*) dan bukannya secara binaan kekal di tapak. Peniaga perlu menyimpan semua peralatan selepas selesai bermula di tapak;
 - (iv) Pihak MBSP hanya akan menyediakan tapak untuk penjaja dengan syarat-syarat yang perlu dipatuhi;
 - (v) Cadangan kesesuaian lokasi akan turut mengambil kira pandangan ADUN, Ahli Majlis kawasan dan Jabatan Pelesenan serta lain-lain jabatan dan agensi berkaitan; dan
 - (vi) Lokasi yang dicadangkan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Pasukan Kerja berkaitan untuk persetujuan terlebih dahulu sebelum dibawa ke Jawatankuasa Pelesenan dan Penguatkuasaan untuk perakuan dan seterusnya kelulusan Majlis Penuh.

Perkara ini akan mula dilaksanakan pada tahun 2020. Mengikut perancangan dan status semasa, perkara ini masih lagi dalam peringkat mengenal pasti lokasi yang bersesuaian untuk dijadikan program pemutihan dan penempatan penjaja dan seterusnya dijangka dapat diteruskan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir.